



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

20 FEBRUARI 2021

1. Kucing 'menangis' tuan balik kampung
2. Selera pelik! – Dua kucing peliharaan Mowgli Malaysia gemar makan timun
3. Kilang proses ayam didenda RM35,000

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Kucing 'menangis' tuan balik kampung

Ragam Global

BEIJING – Seekor kucing baka *British Shorthair* di China tular di media sosial selepas pemiliknya memuat naik klip video menunjukkan haiwan itu sedang 'menangis', lapor akhbar *Daily Mail* kelmarin.

Fu Fu yang berumur dua tahun dikatakan 'menangis' kerana ditinggalkan di rumah yang terletak di bandar Xuzhou sendirian ketika pemiliknya, Meng balik kampung untuk menyambut Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Meng berkata, dia mengawasi Fu Fu melalui monitor sistem televisyen litar tertutup (CCTV) sepanjang berada di rumah ibu bapanya untuk makan besar sempena Tahun Baru Cina.

"Mata Fu Fu berkaca apabila



RAKAMAN CCTV menunjukkan seekor kucing bernama Fu Fu seperti mengalirkan air mata kerana ditinggal bersendirian oleh tuannya. – DOUYIN



PEMILIK Fu Fu meninggalkan kucing itu bersendirian di rumah kerana pulang ke kampung untuk sambutan Tahun Baru Cina. – DOUYIN

memandang kamera CCTV dan tidak berhenti mengiau apabila saya memanggil namanya.

"Saya tidak membawanya ke rumah ibu bapa kerana bimbang Fu Fu tidak biasa di tempat baharu. Fu Fu seekor kucing yang pemalu," jelasnya.

Klip video berdurasi 17 saat itu menerima lebih lapan juta tanda *Like* sejak Meng memuat naiknya dalam platform media sosial tempatan, Douyin.

Tambah Meng, disebabkan Fu Fu 'menangis' bila bersendirian, dia membatalkan hasrat bercuti seminggu di rumah ibu bapanya dan pulang ke pangkuan kucingnya selepas empat hari. – AGENSI

SELERA PELIK!

Dua kucing peliharaan Mowgli Malaysia gemar makan timun



MUHAMMAD Syukur memberi kucing kesayangannya makan timun.

Oleh Ahmad Rabiul
Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Lazimnya kucing menggemari ikan, tetapi berlainan dengan kucing kesayangan Mowgli Malaysia, Muhammad Syukur Khamis, 15, yang suka makan timun.

Bukan satu atau dua timun sehari, tetapi lebih empat timun sehari, dua kucing yang dipanggil Renek

dan Bulat itu makan sayur berkenaan.

Muhammad Syukur berkata, dua kucingnya itu mula memakan timun sejak kecil dan lebih memilih timun berbanding makanan lain termasuk ikan.

"Renek dan Bulat lebih teruja dan berselera untuk makan timun berbanding ikan serta makanan kucing disediakan.

"Jika ada timun di

atas meja makan, Renek dan Bulat akan melarikan timun itu berbanding ikan goreng yang terhidang atas meja," katanya ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Tambahnya, dia mempunyai 10 kucing, tetapi hanya dua kucing menggemari timun itu.

"Saya sendiri berasa pelik dengan keletah Renek dan Bulat, tidak pasti kenapa

dua kucing itu sangat menggemari timun.

"Sebelum ini saya memberi kucing peliharaan makan makanan kucing dan ikan saja.

"Saya cuba saja bagi timun sebelum ini dan dua kucing itu makan serta sejak itu memang kami memberikan timun untuknya setiap hari," katanya.

Menurutnya, Renek dan Bulat bukan saja makan timun, tetapi turut menggemari durian serta rambutan.

Renek dan Bulat turut menggemari durian serta rambutan



KELETAH si bulus dibela Muhammad Syukur yang menggemari timun.

Kilang proses ayam didenda RM35,000

Shah Alam: Sebuah kilang memproses ayam sejuk beku di Tanjung Karang didenda RM35,000 selepas didapati gagal mematuhi had piawai yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata denda berkenaan dikenakan oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam di sini, semalam.

"Hakim Razali Ariffin menjatuhkan hukuman terhadap wakil syarikat selaku Orang Kena Saman yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu," katanya.

Menurut Nor Aziah pada 27 Feb 2019, syarikat

itu didapati melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawai bagi satu parameter di bawah Peraturan 11(1)(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 iaitu kandungan pepejal terampai mempunyai kepekatan sebanyak 190 migram seliter (mg/l) melebihi had kepekatan yang dibenarkan iaitu 100 mg/l.

"Berdasarkan fakta kes dan eksibit dikemuka pihak pendakwaan, Hakim

Razali menjatuhkan hukuman dengan denda RM 35,000," katanya.

